

UTHM miliki organisasi latihan RPTO

Universiti awam pertama mempunyai kemudahan itu, dapat pengiktirafan CAMN

Oleh Suriayati Baharom
bhpendidikan@bh.com.my

Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjadi universiti awam pertama memiliki Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh (RPTO) setelah mendapat pengiktirafan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAMN).

Sijil Kelulusan RPTO di bawah syarikat terbitan UTHM, Avitex Solution (M) Sdn Bhd itu diserahkan kepada Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Ir Ts Dr Ruzairi Abdul Rahim oleh Ketua Pegawai Eksekutif CAAM, Datuk Kapten Norazman Mahmud bertempat di ibu pejabat CAAM, Putrajaya baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Ber tanggungjawab RPTO, Prof Mad-



Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Ir Ts Dr Ruzairi Abdul Rahim ketika menerima Sijil Kelulusan RPTO oleh Ketua Pegawai Eksekutif CAAM, Datuk Kapten Norazman Mahmud bertempat di ibu pejabat CAAM, Putrajaya baru-baru ini.

ya Dr Mohammad Zulafif Rahim dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Prof Ts Dr Amir Khalid.

Mohamad Zulafif berkata, sijil kelulusan itu membuka lembaran baharu kepada UTHM dalam membekalkan persijilan kompetensi berkaitan dron yang diiktiraf CAAM.

Beri kelebihan

Katanya, ia bukan sahaja tertumpu kepada pelajar universiti, malahan kepada komuniti luar yang merangkumi industri, agensi

kerajaan, badan-badan berkanun serta masyarakat umum.

"Pengoperasian di dalam persekitaran kampus utama UTHM di Batu Pahat ini memberi kelebihan kepada RPTO dalam memastikan program persijilan profesional dron dapat dijalankan di dalam suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

"Mutu perkhidmatan yang diberikan juga setanding dengan program akademik di universiti yang dikendalikan tenaga pengajar berlatar belakang bidang aeronautik," katanya.